



Seminar Adat Perpatih  
Dewan Perbandaran Seremban  
5 Jun 2003



anjuran:

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

ADAT BERSENDI HUKUM,  
HUKUM BERSENDI KITABULLAH

oleh:  
Haji Muhamad bin Haji Yasin

## PENDAHULUAN

Adat Perpatih yang telah diasaskan oleh Datuk Perpatih Pinang Sebatang di Minangkabau Sumatra Barat Indonesia kira kira 500 tahun yang lalu sistem hidup yang berpandukan kepada Adat Perpatih ini diamalkan oleh Masyarakat Melayu Negeri Sembilan di daerah-daerah Kuala Pilah,Jempol,Rembau,Jelebu dan Tampin bermula dengan penghijrahan orang-orang Minangkabau di Negeri Sembilan ( dalam daerah-daerah tersebut ) pada abad ke 15.

Sistem Adat Perpatih yang dibawa oleh penghijrah Minangkabau ke negeri ini adalah sistem adat yang telah meletakkan Hukum Syarak sebagai sumber rujukan utama yang mendasari semua kegiatan hidup dari segi sosial, politik, pentadbiran pembangunan ,perundangan dan lain-lain dengan tujuan menjaga keharmonian keamanan ,keadilan dan keselamatan.

Dalam hal ini Perbilangan Adat :-

- Adat bersendi hukum
- Hukum bersendi kitabullah
- Syarak mengata ,adat memakai
- Adat sandar-menyandar
- Ibarat aur dengan tebing

## OBJEKTIF

- Memberi kefahaman yang tepat sejauh mana perlaksanaan Adat Perpatih itu selari dengan kehendak Islam “Adat bersendikan hukum ,hukum bersendikan Syarak”
- Menghakis persepsi luar yang mengatakan Sistem Adat Perpatih bertentangan dengan Islam
- Menjelaskan setiap Perbilangan ,Pepatah ,Petitih ,Tamsil serta ungkapan kata-kata yang mempunyai nilai ,hikmah dan falsafah yang tersendiri sesuai dengan panduan Syarak.
- Memperlihatkan sistem Adat Perpatih yang selari dengan kehendak Islam dan telah digunakan oleh masyarakat yang mengamalkannya di Negeri Sembilan sebelum kedatangan undang-undang barat.

## ADAT BERSENDI HUKUM,HUKUM BERSENDI KITABULLAH

Yang dimaksudkan dengan sendi ialah batu yang dibentuk dan permukaan atasnya rata digunakan untuk meletak pangkal tiang rumah supaya kedudukan rumah lebih mantap dan kukuh “kuat rumah kerana sendi ,rosak sendi rumah binasa”

Maksud kata perbilangan ini ialah “tiang rumah yang telah ditegakkan kemudian baru dialaskan dengan sendi” samalah dengan fakta sejarah bahawa orang Minangkabau telah mengamalkan Adat Perpatih sebelum kedatangan Islam ,apabila mereka menganut Islam adat ini telah disesuai serta diperkasa dengan aturan dan nilai nilai Islam.

ان فى خلق السموات والارض و اختلاف الليل والنهر لابات لاولى الاباب  
ال عمران ١٩٠

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi , dan pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda kekuasaan (rahmat) Allah bagi orang yang berakal.

وَلَمْ يَرَهُ إِلَّا سَمِعَهُ ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ ابْنُو نُوحٍ بِاسْمَاءِ هُزَلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ  
البقرة ٣١

Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam segala nama benda dan gunanya, kemudian ditunjukkan kepada malaikat, lalu ia berfirman “ terangkan kepada aku nama-nama benda ini semua jika kamu golongan yang benar”.

Kekuatan minda ,ketajaman daya fikir serta dalamnya pemerhatian mereka terhadap kejadian Allah dialam ini “Alam terkembang menjadi guru” mereka terjemahkan dalam kata- kata perbilangan ,bidalan ,pepatah dan petitih , yang mana semangat dan rohnya sesuai dengan kehendak Islam , seperti firman Allah ,

فَلَيَنْظُرُوا إِلَى الْأَبْلَى كَيْفَ خُلِقَتْ . وَإِلَى السَّمَاوَاتِ كَيْفَ رُفِعَتْ . وَإِلَى الْجَبَلِ كَيْفَ نُصِبَتْ .  
وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ .

الغاشية ٢٠ - ١٧

Apakah mereka tidak memerhatikan bagaimana unta dijadikan , dan bagaimana langit ditinggikan binaanya dan bagaimana bukit bukau ditegakkan dan bagaimana bumi dibentang luas .

- Setitiik dijadikan laut
- Sekepal dijadikan gunung
- Alam terkembang dijadikan guru

Persamaan objektif yang hendak dicapai oleh Adat Perpatih dan Agama Islam dalam usaha membentuk masyarakat yang baik dan diredhai Allah ialah: امثال الاوامر واجتتاب النواهى seperti yang disebut dalam perbilangan :-

- Pada adat menghilangkan yang buruk
- Menimbulkan yang baik
- Pada syarak menyuruh berbuat baik
- Menegah daripada berbuat jahat

Oleh yang demikian jelaslah bahawa adat itu merangkumi segala bentuk kehidupan dan ia tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan ini ,ia menyentuh perlakuan manusia yang dianggap elok dan sesuai diakui sebagai peraturan / undang-undang yang tidak bertentangan dengan hukum Islam.

Peraturan /undang-undang yang diamalkan oleh masyarakat yang berdasarkan hukum-hukum Islam seperti yang disebut dalam perbilangan adat:-

- Adat yang bersendi hukum
- Hukum bersendi kitabullah
- Syarak mengata, adat memakai
- Kuat adat,tak gaduh hukum
- Kuat hukum,tak gaduh adat
- Ibu adat muafakat.
- Cermin yang tak kabur
- Pelita yang tak padam

Kerana masyarakat mempunyai budaya dan ianya merupakan satu cara hidup , maka adat salah satu unsur budaya yang diguna pakai oleh ahli masyarakat melalui proses sosialisasi dengan cara ini adat itu dapat dipertahankan.

Menyentuh apa yang dikatakan adat sebagai peraturan/undang undang yang mengatur kehidupan bermasyarakat telah disepakati oleh ketua-ketua adat dan pengamal –pengamalnya bahawa mereka mentafsirkan adat itu diasaskan dari kata kata yang berikut:-

- Pertama kata Allah
- Kedua kata Rasul
- Ketiga kata Pusaka
- Keempat kata tua muafakat
- Kelima kata beteromba
- Keenam kata bersalsilah.

Dari kata-kata diatas , jelaslah bahawa kedudukan adat itu berkait rapat dengan Syarak menepati kata perbilangan.

- Pada adat menghilangkan yang buruk
- Menimbulkan yang baik
- Pada syarak menyuruh berbuat yang baik
- Menegah berbuat jahat

Adat adalah satu landasan yang ianya merupakan suatu yang asli dan bukan saduran walaupun ia telah melalui berbagai-bagai keadaan dan meniti peredaran zaman namun ianya tetap asli seperti kata perbilangan

- Adat tak lapuk dek hujan
- Tak lekang dek panas
- Gemuk berpupuk
- Segar bersiram
- Dianjak layu dicabut mati

Ini menunjukkan Adat Perpatih itu satu peraturan hidup dan ianya dilaksanakan dan dipertahankan terutama dari segi hukumnya kerana adat itu menuju kebenaran *الحق* , ia menjamin bahawa kedudukannya terkawal dan selamat kalau diamalkan dengan baik:

- Negeri berpagar undang
- Kampung berpagar pusaka

Oleh itu benteng kekuatan sesebuah masyarakat itu ialah undang-undang / peraturan dibentuk ,disusun dan digubal atas dasar kebenaran dan kemuafakatan.

- Adat bersendi hukum
- Hukum bersendi Kitabullah
- Adat dikelek syarak dijungjung
- Syarak mengata adat memakai

Adat dan agama itu lazim melazimi antara satu sama lain, sokong menyokong antara keduanya, pakai memakai, agama menyempurnakan adat serta meletakkannya pada kedudukannya yang baik dalam semua hal ianya membina hidup bermasyarakat, menyusuri hidup berkeluarga, menyediakan landasan untuk bermuamalah dalam kehidupan harian.

- Selesai permainan dengan sorak
- Mengakhiri adat dengan emas
- Menyudahi syarak dengan doa

Adat mematuhi syarak dalam semua situasi, adat tidak pernah mengingkari hukum agama, kerana kebenaran yang mutlak dan hakiki berada dalam agama, hukum-hakam agama bersumberkan Kitabullah. (Al-Quran Al-Hadith)

Jadinya Adat Perpatih telah menjadikan Quran dan Sunnah / Hadith tempat berjejak dan mendasarkan hukumnya serta menerima kebenaran agama, kata perbilangan “Adat bersendikan Syarak” perlu ditakrifkan dan diuraikan setepat yang mungkin, agar ianya tidak disalah fahamkan oleh sesetengah orang yang memandang serong dan dingin terhadap Adat Perpatih. Adat Perpatih telah menggabungkan dirinya dalam keseragaman tuntutan agama sebagai mana persamaan anutan masyarakatnya. Membidas dan mengkritik adat secara membuta tuli tanpa mengkaji asal-usulnya dengan mendalam merupakan satu fenomena yang kurang sihat.

Kata perbilangan ini perlu ditafsir dan diuraikan secara sihat agar landasan adat dan syarak dapat berdiri dan bergerak seiring dan seirama, hukum agama merupakan sendi dan nadi utama adat perpatih untuk terus hidup dan berfungsi menggerakkan dirinya, seandainya sendi ini dianjukkan, maka adat akan kucar-kacir menjadi kaku dan beku, justeru itu kedua-duanya diselaraskan melalui asas tegaknya adat bertunjangkan muafakat sebagai mendukung kemutlakkan hukum agama yang tidak berubah lagi.

Penegasan hukum yang bersendikan al-Quran dan al-Sunnah (Kitabullah) menjadi tempat berjejaknya Adat Perpatih merupakan satu bentuk kesepaduan yang unik dan halus. Dengan kenyataan ini dapat dibuat kepastian bahawa Adat Perpatih telah meletakan syari’at Islam ditempat teratas dalam semua situasi, namun bagitu Adat Perpatih tidaklah selengkap syari’at Islam , tetapi ianya telah menjadikan kitabullah sebagai tempat rujukan dan sumber mengambil (mengistimbat) hukum .

Mana-mana adat yang bertentangan dengan Syari'at telah dibuang sedikit demi sedikit sesuai dengan ajaran Islam "mengubah secara hikmah". Bagi adat yang tidak bertentangan dengan Syari'at ianya dikekalkan , ini sesuai dengan qaedah fikhiyah (القواعد الفقهية) , dimana jika ada mana-mana adat yang tidak bertentangan dengan Syari'at boleh dijadikan hujjah kepada pembentukan hukum syarak.

#### ADAT MEMBENTUK MASYARAKAT YANG UNGGUL

- a- Hidup bermasyarakat dalam suasana tolong menolong ,semangat bekerjasama dalam melakukan kebaikan.

- Berat sama dipikul  
ringan sama dijenjeng  
bukit sama didaki  
lurah sama dituruni  
laba sama dikutip  
rugi sama ditatang  
hati gajah sama dilapah  
hati tungau sama dicicah  
cicir sama rugi  
dapat sama laba  
pangkal sama dipupuk  
pucuk sama dicentas  
buah sama dipetik

تعاونوا على البر والتفوى ولا تعاونوا على الاثم والمعوان واقروا الله ان الله شديد العقاب  
المائدة ٢

Bertolong bantulah kamu melakukan kebajikan dan jangan kamu bertolongan Dalam melakukan kejahatan dan permusuhan ,sesungguhnya azab Allah terlalu dahsyat .

Nilai akhlak yang membina saksiahs

- yang kurik kundi  
yang merah saga  
yang baik budi  
yang indah bahasa

اکمل المؤمنین ایمانا حسن الخلق  
(الحدیث)

Kesempurnaan iman sesaorang mukmin itu ialah murni akhlaknya.

انما بعثت لاتم مصالح الاخلاق (الحديث)

Sesungguhnya aku diutuskan untuk membaiki akhlak

b- Membina insan berdasarkan qudwahhasanah Rasullullah S.A.W.

-Bulat air kerana pembetung  
Bulat manusia kerana muafakat  
Kok bulat boleh digolekkan  
Kok pipih boleh dilayangkan

d- Mendengar pendapat dan menerima pandangan setelah melalui perbincangan

- Yang tua dihormati  
yang kecil dikasihi  
sama besar lawan berunding

ليس منا من لم يرحم صغيرنا ولم يعقر كبرينا (الحديث)

Bukan dari golongan kami mereka yang tidak mengasihani yang kecil (kanak-kanak) dan tidak menghormati yang tua (dewasa)

e- Berusaha membina kehidupan yang baik bersumberkan anugerah Allah dimuka bumi ini, serta berpadu tenaga masyarakat

Ringan sama dijinjing  
Ada sama dimakan  
Tak ada sama dicari  
Kebukit sama didaki  
Ke lurah sama dituruni  
Telangkup sama makan tanah  
Terlentang sama minum embun  
Terapung sama hanyut  
Terendam sama basah

- f- Berlaku adil serta meletakkan kebenaran pada tempatnya.
- Berjalan pada yang lurus
  - Berkata pada yang benar
  - Berhukum pada yang adil.
- g- Berhukum pada yang adil Adat Perpatih juga memberikan kesempatan ahli masyarakatnya melibatkan diri dalam apa juga aktiviti kemasyarakatan berdasarkan potensi , kebolehan dan kemampuan yang ada pada mereka .

لَا يكفي الله نفساً إلّا وسعها . ( البقرة ٢٨٦ )

Allah tidak memberati sesorang melainkan setakat yang terdaya olehnya .

Yang cerdik teman berunding  
 Yang bodoh disuruh arah  
 Yang buta menghembus lesung  
 Yang patah menuggu jemuran  
 Yang pekak mencucuh meriam  
 Yang berani kepala lawan  
 Yang alim tempat bertanya  
 Yang kaya tempat bernaung

- h- Jangan mengkhianati keadilan ,hingga terjadi “limau masam sebelah, perahu karam sekerat.

وإذا حكمتم بين الناس ان تحكموا بالعدل ( النساء ٥٨ )

Dan apabila kamu membuat hukuman antara manusia hendak berlaku adil

Puar condong ke perut  
 kena keperut dikempiskan  
 kena kemata dipejamkan

- i- Penyelesaian didalam pengadilan berasaskan kepada keterangan dan bukti

Adat bertanda  
hukum bersaksi  
bertali diheret, bertampuk dijenjing  
adat yang tiba kegelap menjala  
tiba ke terang menumpu  
adat bersendi hukum  
hukum bersendi kitabullah  
kuat adat tak gaduh hukum  
kuat hukum tak gaduh adat

j. Asas –asas bukti dalam jenayah yang dilakukan

Berjejak bak bakiak, beruas bak sipasin  
Berbau bak ambacang ,terngiang-ngiang berk Kokok ayam  
Enggang lalu ranting patah  
Runcing tanduk, tertambat patah terpukul mati  
Cincang wanggah,bengkak kenin  
Tersidang jejak menurun, tertukik jejak mendaki  
Terkikik terkedik tertanda bukti  
Pulang pagi berbasah-basah , berjual bermurah-murah  
Terlelah terkejar, tertumpu mata ramai  
Bertunggul penebangan ,bersasuk berjerami  
Bertimbang ciak, dek menjawab  
Bertali diheret, bertampuk dijenjing

Tanda-tanda tersebut apabila Adat Perpatih telah didasarkan kepada Islam ,ianya masih dikekalkan dan dijadikan sebagai tanda-tanda awal “qarinah” untuk membuktikan berlakunya jenayah syariah.

البينة على المدعى والشهادة على من انكر  
(قواعد الفقيه)

Keterangan atas yang mendakwa  
dan saksi atas yang ingkar.

## TANAH ADAT

Pada peringkat awal perkembangan Adat Perpatih peneroka yang mengushahkan tanah telah mewakafkan tanah-tanah tersebut kepada keturunan perempuan, keturunan lelaki pula diamanahkan untuk menjaga tanah suku ini, mereka dibenarkan memanfaatkan hasil tanah itu, tanah ini bukan hak milik perseorangan, tetapi menjadi hak milik suku sebelah perempuan, sekiranya tanah ini tidak boleh lagi menampung mereka yang mendiaminya kerana semakin ramai, maka ahli suku ini boleh membuka kawasan baru dengan restu buapak dan lembaga suku tersebut.

Tanah ini selama-lamanya bertaraf tanah wakaf, kerana itu tanah ini tidak akan menjadi “tarikah” yang boleh dibahagi serta diwarisi secara faraid, tanah ini terus dihakmilikkan turun –temurun kepada pihak perempuan sebagai tanah pusaka adat.

## PEMBAHAGIAN HARTA SELEPAS PENCERAIAN

Perbilangan adat menyebut bahawa

- Pembawa kembali
- dapatkan tinggal
- carian dibahagi

Menerusi maksud perbilangan ini apabila telah berlaku perceraian, suami berhak membawa kembali harta yang dibawa bersama-sama semasa mula berkahwin dahulu, ini bermakna suami itu tidaklah keluar dari rumah itu sehelai sepinggang. Kalau suami membuat keputusan memberikan harta itu kepada bekas isterinya / anak-anaknya atas budi bicaranya ini pun boleh dilakukan .

Harta yang menjadi kepunyaan isterinya semasa mula berkahwin dahulu ini adalah hak milik isterinya yang menjadi harta dapatan oleh suaminya itu dan ini hendaklah dikekalkan bersama isterinya .

Harta yang dapat diushakan bersama semasa dalam perkahwinan antara keduanya yang dinamakan harta carian , maka hendaklah dibahagi antara kedua-duanya dengan adil , ikhlas serta bertimbangrasa demi kepentingan kedua belah pihak dan keluarga seluruhnya, tindakan yang diambil oleh kedua belah pihak ini hendaklah didasari oleh iman dan takwa kepada Allah.

## SARANAN

1. Oleh kerana sistem Adat Perpatih hanya tersirat dan tidak pernah didokumenkan dengan kemaskini , maka seharusnya pihak-pihak berwibawa mengambil satu-satu usaha yang berkesan untuk tatapan generasi yang akan datang , juga untuk mempertahankan khazanah ini dari terus terhakis ditelan zaman .
2. Mempertingkatkan kemampuan dan skop Ahli Jawatankuasa Penyelidikan LMNS dalam melakasankan sebarang aktiviti untuk memartabatkan Adat Perpatih dalam budaya Negeri Sembilan .
3. Menyusun dan memperkemaskan semua kata-kata perbilangan , bidalan adat serta memberikan definisi dan tafsiran yang tepat disamping menghuraikan nilai falsafahnya dengan cara yang terperinci.
4. Memberikan ganjaran yang berpatutan kepada mana-mana pihak yang mengambil daya usaha memperkembangkan dan mempertahankan Adat Perpatih.